



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, OGOS 2023

Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan 3.3 peratus dengan merekodkan RM152.3 bilion pada Ogos 2023

PUTRAJAYA, 12 Oktober 2023 - Nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan penurunan sebanyak 3.3 peratus tahun ke tahun dengan merekodkan RM152.3 bilion pada Ogos 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Ogos 2023** pada hari ini.

Mengulas prestasi nilai jualan Pembuatan terkini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai jualan sektor Pembuatan terus merosot kepada 3.3 peratus pada Ogos 2023 selepas merekodkan negatif 3.0 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik yang menurun 12.1 peratus, mencatatkan penurunan dua digit selama tiga bulan berturut-turut. Tambahan lagi, kemerosotan ini juga disumbangkan oleh penyusutan dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (-6.6%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-0.1%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan pulih kepada 5.8 peratus berbanding negatif 2.4 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 72.7 peratus daripada jumlah jualan, menurun 6.7 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: -7.0%). Penguncupan ini disebabkan terutamanya oleh industri Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-19.7%); Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-15.1%); dan Pembuatan produk getah (-8.8%). Sebaliknya, kemerosotan dalam nilai jualan dikurangkan oleh industri berorientasikan domestik secara berterusan, dengan pertumbuhan 7.2 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: 9.1%). Kestabilan momentum ini sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan kukuh dalam nilai jualan industri Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler yang melonjak sebanyak 15.0 peratus, serta industri Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan pada 10.4 peratus. Tambahan lagi, industri Pembuatan produk galian bukan logam lain dan Pembuatan prosesan produk makanan meningkat masing-masing sebanyak 7.1 peratus dan 6.0 peratus. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport dan domestik masing-masing berkembang sebanyak 6.7 peratus dan 3.5 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.36 juta orang pada Ogos 2023, mencatatkan peningkatan 2.0 peratus berbanding 2.31 juta orang yang direkodkan setahun lalu. Penambahan itu sebahagian besarnya disumbangkan dalam subsektor Makanan, minuman dan tembakau (6.2%); Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (2.6%); dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka (2.2%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini meningkat secara marginal sebanyak 0.6 peratus”.


Selaras dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga meningkat sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun, dengan sejumlah RM8.0 bilion pada Ogos 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah meningkat 0.9 peratus daripada RM7.9 bilion yang direkodkan pada Julai 2023. Tambahan lagi, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan kenaikan sebanyak 1.0 peratus dengan nilai RM3,397 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja jatuh sebanyak 5.2 peratus kepada RM64,660.

Merumuskan prestasi bagi lapan bulan pertama tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM1,184.8 bilion, berkembang sebanyak 1.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja meningkat sebanyak 2.0 peratus untuk merekodkan seramai 2.36 juta orang manakala gaji & upah meningkat 3.7 peratus, mencatatkan RM64.6 bilion. Sementara itu, nilai jualan per pekerja merosot sedikit sebanyak 0.2 peratus, dengan jumlah RM503,093.”


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Ogos 2022 - Ogos 2023**




**Carta 2: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia,
Julai dan Ogos 2023**




Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Ogos 2022 - Ogos 2023



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Julai dan Ogos 2023



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Julai dan Ogos 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 OKTOBER 2023